

# Pelan keselamatan makanan, pertanian

» Ahli akademik Malaysia, Indonesia bincang tangani isu dalam Forum IPIMA di Bogor

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bh.com.my

► Putrajaya

Malaysia dan Indonesia bakal merangka pelan tindakan bersama bagi menangani isu keselamatan makanan dan pertanian untuk menjamin kehidupan mapan serta lestari kedua-dua negara.

Pembangunan pelan itu antara empat matlamat utama pengajuran Forum Ikatan Profesor Indonesia-Malaysia (IPIMA) yang julung kali dianjurkan Majlis Profesor Negara (MPN) Malaysia dan Asosiasi Profesor Indonesia (API) pada 18 November ini.

Pengerusi forum, Prof Dr Ghizan Saleh, berkata matlamat lain termasuk mengenal pasti perkembangan semasa pertanian dan keselamatan makanan selain mempersiapkan diri terhadap

kemungkinan berlakunya ancaman bekalan makanan.

## Perjumpaan di Bogor

“Semua itu akan dibincang dan dikupas secara terarah menerusi Forum IPIMA bagi mencari penyelesaian menanganinya menerusi pembentukan pelan tindakan bersama yang bakal memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

“Pelan itu akan dipanjangkan kepada pihak kerajaan masing-masing untuk tindakan demi memastikan isu keselamatan makanan dan pertanian perladangan ditangani dengan berkesan,” katanya di sini, baru-baru ini.

Bertemakan ‘Pertanian dan Keselamatan Makanan’, forum yang diterajui bersama Institut Pertanian Bogor (IPB) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu bakal berlangsung tiga hari di Pusat Persidangan Antarabangsa IPB.



“*Pelan itu akan dipanjangkan kepada pihak kerajaan masing-masing untuk tindakan demi memastikan isu keselamatan makanan dan pertanian perladangan ditangani dengan berkesan*”

Dr Ghizan Saleh  
Pengerusi Forum IPIMA

## Kelapa sawit dunia

Ghizan yang juga Ketua Kluster Pertanian dan Makanan MPN, berkata pertanian ialah sektor ekonomi penting bagi Indonesia dan Malaysia disamping sebahagian besar tenaga manusianya menyumbang tenaga serta bergantung hidup kepada pertanian.

Namun, katanya, kedua-dua negara berdepan dengan pelbagai isu keselamatan makanan dan pertanian

“Perbincangan forum tidak hanya terbatas kepada tema sebaliknya mencakupi semua bidang lain termasuk pertanian perladangan, kesejahteraan dan kesihatan masyarakat tani, pendidikan dan sumber manusia, serta politik, ekonomi, kewangan dan pengurusan.

“Pertanian perladangan contohnya dikenal pasti sebagai faktor pengikat Malaysia dan Indonesia memandangkan

kedua-dua negara mewakili 70 hingga 80 peratus keperluan kelapa sawit dunia,” katanya.

## Wacana hala tuju

Empat ucaptama akan dibentangkan pada forum itu, masing-masing dua daripada Malaysia dan Indonesia, bertajuk ‘Keselamatan Makanan’ oleh Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dan Rektor IPB, Prof Dr Herry Suhardiyanto.

Ucuptama bertajuk ‘Pertanian Perladangan’ pula disampaikan Ketua Pegawai Operasi Sime Darby Berhad, Datuk Abdul Wahab Maskan dan pengurusan tertinggi syarikat perladangan terkemuka Indonesia.

Pengisian lain termasuk Wacana Hala Tuju MPN dan API yang dikendalikan Pengerusi MPN, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid dan Prof Fasli Jalal mewakili API.